

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan serta tindakan yang akan dilakukan oleh pihak Kerajaan terhadap masyarakat Orang Asli di seluruh negara selepas persidangan Kongres Ekonomi Bumiputera 1 (KEB) 2020 yang telah diadakan baru-baru ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kongres Ekonomi Bumiputera 1 (KEB 1) yang telah diadakan pada 1 Oktober 2020 anjuran Majlis Perundingan Melayu (MPM) sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Antara resolusi tersebut yang menyentuh tentang masyarakat Orang Asli adalah memperkasakan masyarakat Orang Asli dalam semua bidang kehidupan, untuk maju dan makmur setara dengan bangsa Melayu dan lain-lain etnik Bumiputera.

Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat, visi pihak Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah memajukan masyarakat Orang Asli setanding dengan masyarakat

NO. SOALAN : 373

perdana. Di samping itu, objektif utama JAKOA adalah meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli dan seterusnya mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan.

Pihak Kerajaan melalui JAKOA telah melaksanakan beberapa program peningkatan pendapatan bagi pembasmian kemiskinan seperti pengembangan bidang keusahawanan di kalangan Orang Asli dengan bantuan geran, pemantapan institusi Koperasi dan latihan. Bagi projek perladangan pula dengan bantuan input pertanian, bantuan kewangan dan kursus-kursus kemahiran berkaitan pertanian dan penternakan. Selain itu, objektif pembasmian kemiskinan ini adalah peningkatan taraf pendidikan di kalangan Orang Asli antara program yang dilaksanakan adalah Program Trasformasi Minda calon PISMP, program Motivasi Peningkatan Kecemerlangan Pelajar IPTA dan bantuan kewangan di peringkat sekolah rendah, menengah dan IPTA.

Pihak Kerajaan melalui JAKOA akan bekerjasama dengan pihak berkenaan seperti MPM, TERAJU dan EPU bagi sebarang penubuhan Jawatankuasa Bersama dalam melaksanakan resolusi KEB 1 yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.